

27 SEP 2001

Mahathir-Sarawak

KEMENANGAN BN BUKTI RAKYAT TOLAK CARA KEMPEN KASAR PARTI LAWAN

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri Sarawak semalam menunjukkan rakyat negeri itu menolak cara kasar dan kotor parti-parti lawan dari Semenanjung terutama Pas dan Keadilan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ini menunjukkan bahawa cara itu tidak boleh diterima bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di Semenanjung.

"Cara-cara kasar ini bukanlah budaya kita dan saya harap orang lain juga menolak cara-cara ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kongres Doktor Pergigian Sedunia 2001 di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini.

Beliau berkata kemenangan BN Sarawak kali ini adalah lebih baik daripada dahulu dengan pembangkang hanya menang dua kerusi -- satu oleh DAP di Kidurong dan satu lagi oleh calon bebas di Meluan.

Pas, yang bertanding bagi tiga kerusi, dan Keadilan bagi 25 kerusi, tidak memenangi sebarang kerusi pada pilihan raya itu.

Dr Mahathir berkata tindakan rakyat Sarawak menolak Pas dan Keadilan membuktikan mereka menolak cara-cara kotor kedua-dua parti yang cuba mengugut dan menakutkan pengundi.

"Ini bukan cara demokratik. Mereka (Pas dan Keadilan) fikir kebebasan demokrasi ini untuk mereka salahgunakan kebebasan ini untuk buat ugutan," katanya.

Beliau berkata Keadilan begitu ghairah meletakkan calon-calon yang ramai sehinggakan 11 daripada mereka hilang wang pertaruhan.

Mengenai dakwaan wujudnya perpecahan antara orang Melayu dan Melanau di Sarawak, Perdana Menteri berkata dakwaan itu yang dikatakan akan menjejaskan keputusan pilihan raya kali ini, adalah tidak benar berdasarkan keputusan pilihan raya itu.

Ini kerana Melanau adalah juga Melayu, sama dengan Melayu Sarawak yang tidak banyak berbeza daripada segi budaya, dan kebanyakan mereka beragama Islam, katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan wakil-wakil rakyat BN yang terpilih itu supaya menunaikan janji yang diberikan mereka semasa berkempen.

"Jangan mungkir janji... jangan fikir sekarang ini kita sudah menang dan bolehlah pergi joli... lupa hal rakyat.

"Kalau buat macam itu mereka (wakil rakyat) akan rosak, parti kita akan rosak dan kerajaan juga akan rosak," katanya.

Beliau berkata kemenangan yang diperolehi mereka itu adalah kerana kepercayaan yang diberikan oleh rakyat kepada mereka, dan untuk itu mereka harus menjalankan tugas sebagai yang dijanjikan.

"Saya harap mereka (wakil rakyat) sebagai individu menjalankan tugas mereka seperti yang dijanjikan dan sebagai kumpulan dalam BN, mereka harus menentukan kerajaan akan memperhambakan diri kepada rakyat... membangunkan negeri Sarawak," katanya.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada kepimpinan BN Sarawak kerana kemenangan itu, dan berkata ini menunjukkan pemerintahan BN di bawah pimpinan Tan Sri Abdul Taib Mahmud diterima walaupun ada kritik dan tuduhan yang dilempar terhadap beliau.

"...tetapi umumnya rakyat Sarawak menerima pemerintahan ini," katanya.

Menyentuh mengenai kenyataan Taib bahawa kemenangan BN di Sarawak membuktikan rakyat Sarawak masih memerlukan kepimpinan Dr Mahathir, Perdana Menteri berkata mungkin sedikit-sebanyak kemenangan itu ada pengaruh beliau

sebagai pemimpin BN tetapi bukan sebab beliau secara peribadi.

"...saya ada pergi berkempen di kawasan luar bandar dan berjumpa dengan semua pemimpin di sana... mungkin itu mempengaruhi sebahagian daripada rakyat Sarawak untuk menyokong Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA

FA HK AHH NMO